**SOALAN NO. 140**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [ PENGERANG ]** |
| **TARIKH** | **:** | **9 JULAI 2019 (SELASA)** |

**SOALAN NO. 140:**

**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menambah baik mekanisme tuntutan nafkah serta apakah Kerajaan akan menetapkan dasar bagi pembayaran nafkah kepada bekas isteri dan anak melalui potongan KWSP atau gaji oleh majikan tanpa Perintah Mahkamah.

**<u>JAWAPAN</u>**

Tuan Yang di-Pertua,

Selepas perceraian, antara isu utama yang timbul adalah isu penguatkuasaan nafkah, hak penjagaan anak-anak dan harta perkahwinan. Walaupun sudah mendapat keputusan dalam tuntutan nafkah selepas bercerai, namun masih ramai ibu tunggal menghadapi masalah dalam penguatkuasaan nafkah. Bagi menambah baik mekanisme tuntutan nafkah, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah:

i. Menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada tahun 2008 yang bertanggungjawab bagi membantu mahkamah Syariah menguatkuasakan dan melaksanakan perintah nafkah. Antara fungsi utama BSK adalah menguruskan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah terutamanya nafkah anak yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah, menambah baik sistem pengurusan kes berkaitan nafkah di setiap negeri serta menyalurkan bantuan wang pendahuluan nafkah kepada pemohon yang layak untuk meringankan beban sementara menunggu kes selesai sepenuhnya;

ii. Mewujudkan sistem e-nafkah oleh JKSM pada tahun 2012 bagi memantau pelaksanaan perintah nafkah yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Sistem ini diintegrasikan dengan sistem e-syariah yang membolehkan pelanggaran perintah nafkah diambil tindakan dengan segera. Melalui integrasi sistem tersebut, BSK dapat memantau mana-mana perintah nafkah yang tidak dipatuhi; dan

iii. Cadangan pengkhususan pengendalian kes hadhanah dan nafkah di Mahkamah Tinggi Syariah dan pengendalian kes nafkah di Mahkamah Rendah Syariah serta pewujudan Bahagian Penguatkuasaan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP). Pengkhususan pengendalian kes hadhanah dan nafkah ini dijangka akan membantu Mahkamah Syariah sedia ada untuk membuat dan melaksanakan

keputusan berhubung isu hadhanah dan nafkah dengan lebih berkesan dan cekap. Cadangan ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 8 Mei 2019 dan pihak JKSM dalam proses libat urus melibatkan pihak-pihak berkepentingan. Perbincangan pertama adalah dengan Kementerian ini telah diadakan pada 20 Jun 2019. JKSM turut bercadang untuk melibatkan Badan bukan Kerajaan (NGO) dalam sesi libat urus berikutnya pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu selepas penceraian bukan sahaja melibatkan orang Islam, hakikatnya terdapat masalah yang serius berkaitan pengurusan selepas penceraian melibatkan orang bukan Islam. Keadaan ini disebabkan oleh faktor-faktor kemiskinan, kejahilan undang-undang, pihak suami yang melarikan diri dan kurangnya pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang.

Kementerian telah melaksanakan Kajian Pemantauan Isu-isu Pasca Perceraian dan Penyelesaiannya bagi mengkaji punca perceraian dan masalah berbangkit di kalangan ibu tunggal bukan Islam selepas bercerai. Kajian tersebut telah mencadangkan penubuhan Agensi Pembangunan Keluarga Bersepadu (APKB) untuk menguatkuasakan perintah-perintah mahkamah, mewujudkan Mahkamah Keluarga, menggabungkan undang-undang berkaitan keluarga bukan Islam dalam satu akta yang komprehensif serta mewujudkan sumber dana bagi membantu pembayaran nafkah kepada ibu tunggal dan anak-anak mereka. Pada masa ini, satu Memorandum Jemaah Menteri sedang disediakan untuk memberitahu Jemaah Menteri akan hasil penemuan kajian tersebut dan cadangan penyelesaian yang boleh diambil dalam menambah baik pengurusan selepas perceraian.

Sebagai sebuah Kementerian yang menjaga kepentingan wanita dan kanak-kanak, pewujudan sebuah agensi bersepadu bagi penguatkuasaan nafkah untuk orang Islam dan juga bukan Islam perlu bagi menjamin kesejahteraan semua pihak yang terlibat dalam perceraian.